



UCAPAN PENGHARGAAN

YBhg. Prof. Datuk Ts Dr. Ahmad Fauzi bin Ismail

Naib Canselor UTM

Majlis Makan Malam Penghargaan

YBhg. Profesor Datuk Ir Dr. Wahid bin Omar

Mantan Naib Canselor UTM

4 Januari 2021 (Isnin)

8.00 malam

The Regency Scholar's Hotel

Residensi UTM Kuala Lumpur

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Salam Sejahtera,

الحمد لله رب العالمين
والصلاة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين
وعلى آله وصحبه أجمعين

SALUTASI

Yang Berbahagia, Tan Sri Abdul Halim bin Ali,

Pengerusi

Lembaga Pengarah Universiti Teknologi Malaysia (UTM)

Yang Berbahagia, Prof. Datuk Ir Dr Wahid bin Omar,

Mantan Naib Canselor UTM

Yang Berbahagia, Ahli-ahli Lembaga Pengarah Universiti,
Timbalan-Timbalan Naib Canselor; dan

Yang Berbahagia Dato-Dato, Datin-datin, Pegawai-Pegawai
Kanan Universiti, serta hadirin hadirat yang dihormati
sekalian.

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dirafakkan ke hadrat Allah SWT, kerana dengan limpah rahmat, izin dan kurnia-Nya, dapat kita bersama-sama pada malam yang tenang ini, di dalam Majlis Makan Malam Penghargaan, sempena meraikan YBhg Profesor Datuk Ir Dr. Wahid bin Omar, Mantan Naib Canselor UTM.

APRESIASI KEPADA MANTAN NAIB CANSELOR UTM

Hadirin dan hadirat sekalian,

2. Pada kesempatan ini, izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi ucapan penghargaan dan terima kasih atas segala sumbangan, pengorbanan dan khidmat bakti YBhg. Profesor Datuk Ir Dr. Wahid bin Omar; disepanjang menjawat jawatan Naib Canselor UTM ke enam (6) sejak 1 September 2013 hingga 30 Ogos 2020 yang lalu.
3. Sebagai Naib Canselor UTM yang keenam (6) selama tujuh (7) tahun, sudah pastinya banyak pengalaman yang beliau perolehi sepanjang memacu UTM ke arah kecemerlangan dalam pelbagai aspek, sehingga UTM menjadi antara institusi yang terbaik di Malaysia dan juga di rantau ini.

4. Masih juga saya ingat, Profesor Datuk Ir Dr. Wahid bin Omar pernah berkongsi cerita, di mana sepanjang 7 tahun sebagai Naib Canselor UTM, beliau sempat berada di bawah pucuk pimpinan tiga (3) orang Perdana Menteri, lima (5) orang Menteri Pendidikan dan Pengajian Tinggi, serta empat (4) orang Menteri Besar. Begitu menarik pengalaman serta perjalanan beliau sebagai Naib Canselor UTM ini.

LEGASI KECEMERLANGAN UTM DAN STATUS UNIVERSITI PENYELIDIKAN

5. Saya juga sangat berbesar hati dan ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Profesor Datuk Ir Dr. Wahid bin Omar kerana telah menyediakan asas yang kukuh untuk saya meneruskan *legasi kecemerlangan Universiti* ini ke satu tahap yang lebih tinggi, setanding dengan universiti-universiti terkemuka di luar sana.

6. Dengan izin-Nya, saya akan sedaya upaya memartabatkan UTM ke arah yang lebih dinamik dan akan berusaha bersungguh-sungguh dalam *mengekalkan status Universiti Penyelidikan (RU)*; di mana status RU ini merupakan usaha keras serta perjuangan daripada pemimpin-pemimpin terdahulu.

**UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA LEMBAGA PENGARAH
UNIVERSITI (LPU UTM)**

Hadirin dan hadirat sekalian,

7. Dikesempatan ini juga, saya merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada YBhg. Tan Sri Abdul Halim bin Ali, Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti dan Ahli-ahli Lembaga Pengarah Universiti atas sokongan yang tidak berbelah bahagi terhadap usaha-usaha untuk memajukan Universiti ulung ini.
8. Keprihatinan dan sokongan berterusan Lembaga Pengarah Universiti terhadap kepimpinan Universiti ini, amatlah penting dalam menyuntik aspirasi kepada UTM untuk terus bergerak di atas jajaran yang betul sebagaimana yang dihasratkan.

UCAPAN PENUTUP

9. *'Kerana Tuhan Untuk Manusia'*. Semoga kita sentiasa berjuang serta komited secara holistik dan bersepadu, demi mencapai kecemerlangan untuk kemakmuran dan kesejahteraan sejagat.
10. Saya juga amat yakin berkat kebersamaan yang padu dalam kalangan *Citizen of UTM*, kita mampu memacu UTM ke peringkat yang lebih tinggi. Insha Allah.
11. Akhir kata, saya mendoakan semoga YBhg. Datuk Ir Dr. Wahid bin Omar sekeluarga dan semua yang berada di dalam *Dewan* yang nan indah ini, mendapat kesejahteraan hidup, dikurniakan kesihatan yang baik serta berterusan dan dilimpahi nikmat dan rahmat olehNya.
12. Profesor Datuk Ir Dr. Wahid bin Omar, *'Jasamu Dikenang, Budimu Disanjung, Baktimu Dijunjung'*

Sekian, Wabillahi al-taufiq wal hidayah wassalamu'alaikum wa rahmatullahi wa barakatuh.